

EMBARGO: 10.00 malam, Jumaat, 31.7.1998

Sila semak semasa dilafazkan

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN KEMPEN HARI PAHLAWAN
MELALUI RADIO & TELEVISYEN MALAYSIA
DI ANGKASAPURI, KUALA LUMPUR
PADA HARI JUMAAT, 31 JULAI 1998
JAM 8.30 MALAM

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk melahirkan rasa syukur kehadiran Allah Subhanahuwa Ta'ala kerana dengan limpah rahmatNya dapat kita sekali lagi melancarkan kempen Hari Pahlawan pada tahun ini.

2. Hari Pahlawan yang disambut ini merupakan suatu hari kita mengenang jasa-jasa pahlawan kita yang telah berkorban dan terkorban dalam mempertahankan keselamatan, kesejahteraan dan kedaulatan negara.

3. Justeru itu, Kerajaan kita telah bersetuju untuk mengiktiraf setiap Ogos sebagai bulan 'Kempen Hari Pahlawan. Sepanjang bulan ini ahli-ahli masyarakat daripada setiap golongan diberikan peluang untuk membalas jasa pahlawan-pahlawan kita dengan menghulur sumbangan sukarela sebagai tanda penghormatan dan keperihatinan kita terhadap jasa-jasa mereka. Saya mengambil kesempatan di sini menyeru Kerajaan-Kerajaan negeri mengambil inisiatif dan peranan lebih aktif untuk mendapatkan sumbangan daripada semua pihak bagi mengisi tabung kebajikan bekas perajurit di negeri masing-masing.

4. Sumbangan anda akan digunakan oleh Persatuan bagi menjaga kebajikan bekas-bekas perajurit kita. Tahun ini dengan kegawatan ekonomi yang melanda negara, sumbangan tuan-tuan akan memberikan makna dan manfaat yang lebih besar kepada mereka yang memerlukannya.

4. Sebagai penaung Kempen Hari Pahlawan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia (PBPM), saya ingin mengajak tuan-tuan dan puan-puan merenung sejenak pengorbanan dan perjuangan yang telah dicurahkan oleh para bekas perajurit kita di dalam memastikan keamanan dan keselamatan negara kekal sehingga kini.

5. Dalam kehangatan kita memperkatakan soal kegawatan ekonomi, para perajurit kita telahpun sejak begitu lama menghadapi pelbagai kegawatan keselamatan negara dan telah mengatasi semua kegawatan ini dengan jayanya. Dari zaman pendudukan Jepun kemudian ke zaman darurat dan berterusan hingga ke zaman ancaman komunis, para perajurit kita tidak pernah luntur semangat dan berundur kebelakang di dalam mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara.

6. Di dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini, bukan sedikit perajurit kita yang kehilangan nyawa, cacat anggota tubuh badan dan meninggalkan isteri dan anak-anak mereka sebagai balu dan anak-anak yatim. Dan jika ada antara bekas perajurit yang masih hidup mereka terpaksa menerima kenyataan bahawa diri mereka tidak lagi sempurna kerana kecacatan tubuh badan mereka.

7. Pembangunan negara dan kesejahteraan hidup yang kita kecapai hari ini, pasti tidak berlaku sekiranya tanahair kita sentiasa bergolak dengan ancaman musuh yang tidak merestui kemerdekaan negara kita. Syukurlah dengan pengorbanan perajurit-perajurit kita hari ini kita dapat hidup dengan aman dan sempurna.

8. Kita telah berjaya menempatkan negara kita seiring dengan negara-negara lain yang telah maju. Kini negara kita telah mengorak langkah dengan pantas membawa kemajuan dan pembangunan untuk rakyat jelata. Kemakmuran yang dinikmati oleh rakyat negara ini tidak putus-putus dan melimpah ruah. Kita haruslah bersyukur atas nikmat yang kita kecapai selama ini.

9. Dengan memperingati Hari Pahlawan kita berharap golongan remaja kita akan sedar tentang sumbangan bakti yang besar oleh perajurit-perajurit kita. Kita berharap secara tidak langsung mereka diterapkan dengan keinginan tinggi untuk menyertai pasukan keselamatan dengan semangat untuk meneruskan perjuangan mempertahankan negara. Dewasa ini memang kurang sekali golongan remaja yang berminat di bidang ketenteraan. Oleh itu remaja kita perlulah dirangsangkan dengan semangat kenegaraan yang tinggi agar mereka berminat menyertai pasukan keselamatan yang seterusnya menjamin kekuatan dan kestabilan negara.

10. Kita harus menanamkan perasaan cinta kepada negara di kalangan remaja supaya mereka dapat memahami erti kemerdekaan dan seterusnya berusaha mengisi kemerdekaan dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

11. Kita ingin melihat negara kita bukan sahaja maju dalam bidang ekonomi sahaja. tetapi juga maju dalam erti kata bangsa yang bermaruah, berilmu, berdisiplin, teguh dan mulia. Kita seharusnya membentuk remaja yang merupakan generasi penerus agar lebih cintakan negara. Mendekatkan mereka dengan bidang ketenteraan adalah satu langkah ke arah itu.

12. Saya juga menyeru kepada seluruh para bekas perajurit yang berupaya bahawa dalam negara kita dilanda kegawatan ekonomi sekarang, kita mestilah menggunakan kebijaksanaan untuk mencipta peluang dari keadaan sekeliling kita. Janganlah kita menjadikan alasan bahawa kegawatan ekonomi masakini, menyebabkan kita tidak

boleh membuat apa-apa lagi untuk mencapai kemajuan dan mengukuhkan ekonomi kita. Sepatutnya dalam keadaan sekaranglah kita perlu membulatkan tekad dan bekerja kuat dan bersungguh-sungguh untuk mencari jalan meredakan kegawatan ekonomi yang menimpa kita selama ini.

13. Kita perlu menanamkan budaya berusaha bersungguh-sungguh dan menggunakan kebijaksanaan. Kita perlu yakin dan mempercayai diri dan kebolehan kita. Nescaya kita boleh berdiri di atas kaki kita sendiri dan tidak perlu mengharapkan bantuan dari mana-mana pihak jika kita yakin dengan kemampuan diri kita.

14. Sebagai penaung Kempen Hari Pahlawan saya menyeru kepada tuan-tuan dan puan-puan yang budiman untuk menghulurkan sumbangan seberapa ikhlas kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia bagi membantu para bekas perajurit kita atau keluarga dan anak-anak yang ditinggalkan. Walaupun sumbangan kita mungkin tidak seberapa jika hendak dibandingkan dengan penderitaan yang ditanggung, setidak-tidaknya ini dapat mengurangkan bebanan yang dihadapi oleh bekas-bekas perajurit dan keluarga mereka.

15. Saya difahamkan sempena Kempen Hari Pahlawan ini, Persatuan Bekas Perajurit Malaysia dengan kerjasama dan sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia kini membekalkan buku rampaian kepada semua pelajar sekolah menengah dan rendah di seluruh negara.

16. Ini bermakna para ahli Persatuan Bekas Perajurit Malaysia tidak lagi membawa tabung-tabung menagih derma daripada murid-murid tetapi berusaha membekalkan buku cetakan khas sempena kempen ini. Buku ini boleh digunakan seperti buku-buku rampaian yang lain. Dan adalah diharapkan pihak sekolah memberi sokongan terhadap projek ini dengan sekurang-kurangnya mendapatkan satu buku untuk satu murid.

17. Dalam merealisasikan budaya sentiasa berusaha, PBPM juga telah mencetak dan mengeluarkan sebuah 'buku catatan' kecil sebagai 'kenangan' yang akan diedarkan kepada seluruh Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Kementerian-Kementerian, sektor swasta serta individu-individu di seluruh negara. PBPM tidak meletakkan sebarang harga bagi buku tersebut dan terpulanglah di atas sumbangan ikhlas seseorang itu.

18. Adalah amat besar ertinya sumbangan tuan-tuan dan puan-puan kepada tabung ini. Saya ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia yang sentiasa peka dan prihatin terhadap masalah dan penderitaan bekas perajurit kita.

19. Kepada Kerajaan Negeri, syarikat swasta, individu-individu yang budiman saya juga mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan mereka yang berterusan khususnya daripada segi kewangan dan seumpamanya.

20. Akhir kata dengan segala kerendahan diri dan kalimat Bismillahir rahmanirrahim, saya dengan rasminya melancarkan Kempen Hari Pahlawan bagi tahun 1998.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
